

**15/11/2016 - Majlis Pengiktirafan Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2016**

Bismillahirrahmanirahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berhormat Datuk Seri Haji Naim bin Abu Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman,

2

Ketua Pengarah MAMPU;

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin Mohd Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan);

Yang Berbahagia Dato' Sabariah binti Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi);

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN;

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif Kehormat,

Para Penggiat Program Inovatif dan Kreatif, Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. 1. Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun bersama-sama di Majlis Pengiktirafan Anugerah Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke-33 pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penganjur atas kesudian menjemput saya bagi menyempurnakan majlis dan seterusnya menyampaikan anugerah kepada para pemenang.

3. Saya turut ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ir. Haji Idris bin Haron, Ketua Menteri Melaka dan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Naim bin Abu Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka serta

3

seluruh warga SUK Negeri Melaka sebagai tuan rumah, atas kerjasama yang diberikan kepada pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam menjayakan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam pada tahun ini.

4. Ucapan syabas dan tahniah juga disampaikan kepada semua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah mempamerkan komitmen dan kecemerlangan dalam usaha melakar kejayaan pada tahun ini.

5. Sesungguhnya majlis pada hari ini membawa pengertian yang begitu signifikan kepada kita semua dalam memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para peserta yang berjaya menampilkan inisiatif-inisiatif inovasi baharu. Semoga menerusi pengiktirafan ini, budaya kreativiti dan inovasi dalam sektor awam akan terus bersemarak demi mempersada kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

**MEMAKNAI UNGKAPAN TEMA: “INOVASI DIPERKASA, KOMERSIALISASI DIPERSADA”**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Penyampaian perkhidmatan awam berdasarkan kepada inovasi dan kreativiti kini bukan lagi satu pilihan, sebaliknya menjadi keperluan. Ini kerana kemampuan dan kapasiti negara dalam berinovasi merupakan pemacu pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara. Cetusan idea

yag kreatif mampu untuk meningkatkan daya saing sesebuah organisasi melalui budaya kerja baru yang bertunjangkan

4

teknologi. Ia juga berupaya untuk menjadi game changer kepada cara penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

7. Seiring dengan perkembangan teknologi terkini, seharusnya para penjawat awam mengambil peluang untuk melakukan perubahan ke atas cara kita bekerja dan berinteraksi dengan rakyat. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan, untuk memenuhi ekspektasi rakyat yang jauh berbeza daripada masa yang lalu. 8. Sesungguhnya, dalam usaha membudayakan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan awam pada hari ini, penjawat awam perlu lebih peka dan responsif dengan keperluan rakyat. Tiada gunanya sekiranya idea-idea berinovasi yang dicetuskan, tidak padan atau tidak dapat di-komersialisasikan selaras dengan kehendak pelanggan kita.

9. Maka dengan itu, tema “Inovasi Diperkasa, Komersialisasi Dipersada” adalah bertepatan dengan penganjuran Persada Inovasi Perkhidmatan Awam pada tahun ini. Tema ini sejajar dengan penekanan Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dalam merekayasa (reengineer) pertumbuhan ekonomi. Dalam konteks ini, fokus harus diberikan kepada usaha penjanaaan pertumbuhan ekonomi termasuk People Economy atau Ekonomi Keperluan Rakyat, melalui inovasi.

10. Impak inovasi yang diharapkan untuk memberi kemakmuran ekonomi kepada rakyat hanya akan berlaku sekiranya inisiatif-inisiatif inovasi berkenaan dapat dikomersialisasi dan disebar luas. Larry Page iaitu pengasas bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Google pernah menyatakan: “You need to invent things and you need to get them to people. You need to commercialize those inventions.”

5

11. Kerajaan komited untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat menerusi pendekatan yang kreatif, memudahkan serta kos efektif. Justeru, saya amat berharap inisiatif-inisiatif yang dibangunkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian menerusi projekprojek KIK ini mampu dikomersialisasikan serta boleh diaplikasi secara meluas untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan sektor awam.

## BREAKTHROUGH INNOVATION SEBAGAI GAME CHANGER BAGI KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Izinkan saya memetik Laporan Daya Saing Global 2016-2017 yang dikeluarkan oleh World Economic Forum baru-baru ini. Berdasarkan laporan tersebut, Malaysia berada pada kedudukan ke-25 daripada 138 ekonomi, berbanding kedudukan ke-18 sebelumnya. Perkembangan ini tidak membawa maksud bahawa negara tidak melakukan penambahbaikan atau perubahan tetapi usaha kita masih tidak cukup berbanding negara-negara lain. Malah, negara masih berada di hadapan kuasa-kuasa ekonomi seperti Republik Korea (kedudukan ke-26), Iceland (kedudukan ke-27) dan Republik Rakyat China (kedudukan ke-28), serta kekal sebagai ekonomi paling kompetitif dalam kalangan negara membangun di Asia.

13. Meskipun demikian, semua pihak, baik sektor awam mahupun sektor swasta, tidak boleh leka dan perlu berusaha lebih gigih untuk mengukuhkan pencapaian negara. Negara-negara lain sentiasa berusaha untuk mengatasi kita. Dalam konteks ini, hanya kebolehan

6

berinovasi secara radikal menjadi faktor pemisah untuk kita menjarakkan kedudukan agar terus berada di hadapan persaingan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Taraf kemajuan ekonomi sesebuah negara mempunyai korelasi dengan kemajuan dalam inovasi. The Global Innovation Index 2016 telah menunjukkan negara-negara yang mengungguli tahap inovasi tinggi atau robust innovation seperti Switzerland, Sweden, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Finland juga mempunyai kemajuan ekonomi yang konsisten.

15. Mereka yang mengutamakan breakthrough innovation biasanya akan berada di hadapan persaingan. Di peringkat organisasi, syarikat yang melaksanakan breakthrough innovation akan berjaya memberi nilai tambah yang tidak terjangka sama sekali oleh pelanggan. Sebagai contoh, Citibank mendahului para pesaingnya apabila menjadi bank pertama memperkenalkan Automated Teller Machine atau ATM menerusi kempen “The Citi Never Sleeps”. Kini, ATM menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat di seluruh dunia.

16. Inilah the lesson learned yang perlu kita hayati. Pendekatan semasa kita lebih bersifat incremental innovation iaitu penambahbaikan yang dibuat secara sedikit demi sedikit dan berskala kecil. Dalam mendepani situasi masa kini bercirikan V.U.C.A atau Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity, kita sewajarnya membuat transformasi ke atas semua proses pekerjaan menerusi pendekatan breakthrough or radical innovation.

7

BLUE OCEAN CIVIL SERVICE

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Perkhidmatan awam pada hari ini menghadapi “the new normal” iaitu keadaan yang sentiasa berubah dan di luar jangkaan, serta tuntutan rakyat supaya urusan kerajaan tidak lagi seperti kebiasaan. Kita perlu pandai menyesuaikan diri dan mengurus perubahan tersebut. Persekitaran yang begitu dinamik ini memerlukan kita untuk menyanggah pendekatan konvensional dengan menampilkan idea-idea unik di luar kebiasaan yang dapat mengukuhkan jentera pentadbiran Perkhidmatan Awam secara holistik.

18. Salah satu pendekatan strategik yang kini digunakan dan sedang disebar luas kepada seluruh perkhidmatan awam negara adalah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS. Diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri kita, NBOS merupakan pendekatan kreatif dan bersepadu dalam memastikan pelaksanaan projek yang berkos rendah, berimpak tinggi, pantas dan mampan. Inisiatif Urban Transformation Centre (UTC) dibawah NBOS umpamanya, telah mencipta penanda aras baharu dalam penyampaian perkhidmatan awam apabila rakyat boleh mendapatkan pelbagai perkhidmatan dengan mudah dan selesa di bawah satu bumbung. Inisiatif lain seperti kerjasama anggota tentera dan polis dalam tugas-tugas rondaan keselamatan serta latihan bersama adalah antara lebih 90 buah inisiatif yang telah dilaksanakan semenjak NBOS diperkenalkan pada tahun 2009.

8

19. Idea-idea inovatif yang memelopori pelaksanaan projek NBOS ini boleh diwujudkan melalui pelbagai saluran, dan salah satunya melalui KIK. Saya mengharapkan agar inisiatif KIK ini dapat memberi sumbangan kepada penzahiran lebih banyak projek-projek NBOS yang berskala besar dan memberi manfaat kepada rakyat. Inovasi ke arah kesejahteraan rakyat ini tidak semestinya pula memerlukan jumlah bajet yang besar. Berbalik kepada success story UTC, penggunaan bangunan sedia ada tanpa perlu membina bangunan baharu untuk menempatkan 15 buah UTC, telah dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM1.5 bilion.

20. Memandangkan breakthrough innovation menjadi formula terbaik kepada kelangsungan dan kerelevanan perkhidmatan awam, maka kreativiti dan inovasi hendaklah dijadikan budaya kerja di sektor awam. Semua itu bermula dalam minda kita semua. Mengikut Albert Einstein, saintis genius dan teoris ulung pernah dilahirkan: "We cannot solve our problems with the same thinking we used when we create them" .

PEKELILING BAHARU PELAKSANAAN KIK DAN PORTAL BLUE OCEAN STRATEGY

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Pihak MAMPU akan melancarkan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam, Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif, tidak lama lagi (\*dijangkakan pada 28 November 2016). Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan

9

ucapan syabas kepada MAMPU dan INTAN, JPA atas kerjasama dan kejayaan menghasilkan Panduan baharu ini.

Pelaksanaan panduan ini menyokong aspirasi landskap inovasi sektor awam masa kini yang memberi fokus kepada pendekatan prinsip NBOS serta aplikasi kaedah baharu seperti Design Thinking yang lebih ringkas serta komprehensif . 22. Seterusnya, usaha membudayakan inovasi akan diteruskan dengan aktiviti turun padang sebagai satu langkah change management mengenai panduan baharu ini. Justeru, saya menyeru semua agensi Kerajaan khususnya penggiat-penggiat KIK agar dapat mengaplikasikan panduan baharu ini bagi memperkasakan gerakan inovasi sektor awam.

23. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa Pejabat Ketua Setiausaha Negara dengan kerjasama JPA, MAMPU, Unit Strategik Nasional dibawah Kementerian Kewangan, dan INTAN akan menyediakan satu platform/portal interaktif yang dijangka akan dilancarkan pada awal tahun hadapan. Tujuannya adalah supaya semua menjawat awam dapat mengemukakan idea-idea NBOS mereka dan idea-idea terbaik akan menerima pengiktirafan daripada pihak Kerajaan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

24. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukacita saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pihak yang

menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam kali ini. Penglibatan tuan-tuan dan puan-puan semua membuktikan kesungguhan dan komitmen tinggi dalam memartabatkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam. Harapan saya agar semua penghasilan inisiatif inovasi ini tidak terhenti di sini sahaja, malah wajar disebarluaskan agar dapat dimanfaatkan bersama demi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan.

25. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas juga saya rakamkan kepada kumpulan KIK yang meraih kejayaan kali ini. Semoga kemenangan dan pengiktirafan ini menjadi motivasi untuk melahirkan inisiatif-inisiatif inovasi yang memberi impak yang besar kepada pembangunan dan kemajuan negara. Kepada yang tidak berjaya, usah merasa kecewa kerana masih ada kesempatan untuk saudara-saudari menampilkan kebolehan dan kreativiti masing-masing pada tahun hadapan.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh.

**©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office**

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2093>